

# PM: Ada kuasa di luar BN cuba guna agama untuk pecah-belah rakyat

UM 22 AUG 1985

LUBUK ANTU 21 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan tentang wujudnya kuasa di luar Barisan Nasional yang cuba menggunakan soal - soal seperti agama dan budaya untuk memecah-belahkan perpaduan rakyat.

Menurutnya, kuasa luar itu berbuat demikian kerana hendak mencapai kepentingan politik masing - masing.

Berucap merasmikan khemah kerja politik Pemuda Barisan Nasional di sini hari ini, Perdana Menteri berkata:

"Rakyat juga harus sedar bahawa mereka tidak

Oleh  
**Syahbuddin  
Abdullah**

mungkin memprolchi apa sahaja yang mereka tuntutan kerana ada pihak - pihak lain yang juga mempunyai hak yang sama."

Beliau berkata, rakyat hendaklah menolak sebarang tafsiran yang melampau dalam perkara - perkara yang bersangkutan dengan agama dan budaya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru rakyat supaya mengorbankan sedikit kepentingan diri demi kemakmuran umum kerana kenikmatan dari pengorbanan itu akhirnya akan dicapai oleh semua pihak.

Perdana Menteri berkata, jurang perbezaan antara kaum di negara ini akan dapat dikurangkan sekiranya rakyat mengamalkan konsep bekerjasama seperti mana yang terdapat di dalam Barisan Nasional.

Kejayaan konsep tersebut, katanya, telahpun terbukti dan rakyat benar - benar faham tentang matlamat penubuhan Barisan Nasional.

Beliau berpendapat bahawa integrasi nasional akan dapat dicapai dengan lebih mudah sekiranya semua rakyat sedar akan pentingnya kemewahan yang terdapat di negara ini sekarang.

Soal integrasi boleh menjadi satu masalah yang besar di negara ini serta boleh menggugat perpaduan sekiranya diabaikan, katanya.

Perdana Menteri juga menyeru golongan muda negara ini supaya memberi perhatian kepada semangat bekerjasama yang telah wujud ketika rakyat negara ini sama-sama memperjuangkan kemerdekaan dahulu.

Beliau kesal kerana ramai di kalangan generasi muda sekarang gagal menghargai nilai - nilai perpaduan yang wujud ketika itu.